

Kosmo
5/12/2015
MIS 11

Pengangkutan awam resahkan pengguna

PADA 15 Oktober lalu, para pengguna lebuhraya di negara ini terpaksa menerima hakikat kenaikan kadar tol di 18 lebuhraya tol.

Kenaikan tersebut dianggap cukup membebankan para pengguna lebuhraya. Ia mengundang pelbagai pandangan dan reaksi sehingga menjadi perhatian di dada akhbar dan laman-laman sosial.

Bahkan, suara-suara yang dilontarkan para pengguna lebuhraya bertol ini disambut dengan 'idea-idea bernas' berbentuk menyindir termasuk mencadangkan penggunaan supaya menggunakan jalan alternatif, keluar awal pagi ke pejabat malah mengoptimalkan kemudahan pengangkutan awam.

Bagaimanapun, beberapa bulan selepas para pengguna mencari mekanisme terbaik dalam menyelaras semula sumber kewangan bagi memenuhi kos sara hidup semakin tinggi termasuk menggunakan pengangkutan awam sebagai jalan alternatif, mereka menerima satu berita buruk lain.

Para pengguna terpaksa berdepan kenaikan tambang pengangkutan awam monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Semua kenaikan ini cukup meresahkan para pengguna terutama yang menjadikan pengangkutan awam sebagai pengangkutan utama mereka.

Keputusan kenaikan kadar tambang pengangkutan awam yang dilaksanakan kelmarin sudah tentu mengundang kekecewaan dan kemarahan para pengguna terutama apabila kerajaan cuba mengurangkan kos sara hidup rakyat negara ini.

Adalah mustahil bagi para pengguna untuk



Di sebalik isu panas

Bersama NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM

“Adalah mustahil bagi para pengguna untuk mengubah gaya hidup menunggang motosikal, menaiki basikal atau berjalan kaki ke tempat kerja masing-masing semata-mata kerana ingin mengurangkan kos sara hidup.

mengubah gaya hidup menunggang motosikal, menaiki basikal atau berjalan kaki ke tempat kerja masing-masing semata-mata kerana ingin mengurangkan kos sara hidup.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata keputusan menaikkan kadar tambang pengangkutan awam sudah pasti akan menjejaskan pengguna berpendapatan rendah dan sederhana.

“Selepas kenaikan kadar tol baharu dan kadar tambang pengangkutan awam, para pengguna tidak mempunyai pilihan lain untuk mengurangkan kos sara hidup mereka.

“Mereka perlu membuat pilihan sama ada menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam,” katanya.

Mohd. Yusof menjelaskan, terdapat kadar tambang pengangkutan awam yang meningkat terlalu tinggi sehingga membebankan para pengguna.

Katanya, keputusan menaikkan kadar tambang pengangkutan awam sudah pasti bertentangan dengan saranan untuk meningkatkan bilangan para pengguna menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam malah mengurangkan kos sara hidup rakyat negara ini.

“Saya sangat berharap kerajaan akan membuat kajian semula berhubung peningkatan kadar tambang pengangkutan awam terutama yang naik terlalu tinggi.

“Kenaikan kadar tambang pengangkutan awam ini sangat membebankan para pengguna terutama kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan awam setiap hari,” ujarnya.